

# Belanjawan 2002 mungkin beri kejutan

**BH 05 OCT 2001**  
**Oleh Kadir Dikoh**  
**dan Saidon Idris**

KUALA LUMPUR, Khamis – Belanjawan 2002 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 19 Oktober ini mungkin memberi satu kejutan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Saya suka mengejutkan orang ramai,” kata Perdana Menteri selepas merasmikan Persidangan Tindakan Ketua Eksekutif (CEO) bagi Industri Pengetahuan dan Mapan 2001 di sini, hari ini.

Beliau, yang juga Menteri Kewangan bagaimanapun tidak mengulas lanjut sama ada perubahan drastik berlaku terhadap struktur cukai termasuk cukai korporat.

Katanya, kerajaan menimbangkan cadangan pelbagai pihak termasuk peniaga supaya mengurangkan cukai dan menyediakan insentif dalam belanjawan negara 2002 itu.

Dr Mahathir akan membentangkan belanjawan itu, kali kedua beliau berbuat demikian setelah mengetuai Kementerian Kewangan berikutan peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin, Jun lalu.

Beliau juga enggan mengulas sama ada cukai korporat 28 peratus sekarang akan dikurangkan selain kemungkinan memperkenalkan insentif baru terutama bagi menggalakkan syarikat tempatan meningkatkan pelaburan, termasuk menimbangkan bagi industri kecil dan sederhana (IKS).

“Tetapi kami melihat kepada semua cadangan. Jika munasabah ia akan diterima tetapi jika ia tidak munasabah sudah tentu terpaksa ditolak,” katanya.

## Kerajaan menimbangkan cadangan pelbagai pihak termasuk peniaga supaya mengurangkan cukai dan menyediakan insentif dalam Belanjawan Negara 2002

Cukai korporat kini ialah pada kadar 28 peratus, antara yang terendah di rantau ini. Kadar cukai korporat di Jepun adalah yang tertinggi iaitu 37.5 peratus, manakala Korea Selatan dan Hong Kong masing-masing hanya mengenakan cukai korporat 17.6 dan 16 peratus.

Di Asia Tenggara pula, hanya Singapura dan Vietnam mempunyai kadar yang lebih rendah daripada Malaysia.

Dr Mahathir berkata, ketika dialog prabelanjawan sebelum ini, kebanyakan peserta mengemukakan dua cadangan kepada kerajaan iaitu memotong cukai dan satu lagi memberikan lebih banyak insentif.

Sementara itu, dalam sesi soal jawab di majlis yang dihadiri kira-kira 300 peserta itu, Perdana Menteri berkata kerajaan mengadakan banyak program untuk IKS dan pengusahanya harus belajar bagaimana untuk bersaing.

“Kita tidak boleh mengharapkan insentif semata-mata kerana banyak benda lain yang kita boleh buat. Carilah peluang di mana-mana. Mengenai cukai, kerajaan sedia mengurangkannya, terutama apabila tindakan itu pula boleh mendatangkan hasil lebih banyak kepada kerajaan.

“Kita memang mengharap syarikat mengaut

keuntungan supaya kerajaan juga boleh mengutip lebih banyak (cukai),” katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir melahirkan rasa bimbang kerana penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di kalangan syarikat tempatan masih kurang terutama bagi IKS.

Beliau berkata, mereka menghadapi risiko ketinggalan kerana tidak dapat berhubung secara elektronik ke jaringan bekalan global.

“Jika tiada apa-apa dilakukan untuk membetulkan keadaan ia bermakna mereka tidak akan dapat bersaing dengan pengusaha dari negara yang lebih maju dan akhirnya hilang sama sekali daripada dunia perniagaan.

“Saya dengan serius meminta ketua eksekutif (CEO), khususnya di syarikat milik warga Malaysia supaya lebih banyak menggunakan ICT dalam proses perniagaan mereka,” katanya.

Dr Mahathir juga meminta CEO syarikat multinasional dan perbadanan tempatan yang mempunyai sumber untuk melaksanakan e-niaga, bekerjasama dengan IKS, bank, syarikat teknologi, logistik, telekomunikasi dan syarikat pembekal perkhidmatan Internet untuk membawa e-niaga ke aliran utama perniagaan di Malaysia.